

26 OCT 1998

DR MAHATHIR GESA MEDIA KAJI SEMULA PERANAN

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata media perlu mengkaji semula peranan mereka dan menggunakan kuasa mereka untuk kebaikan manusia sejagat.

Beliau berkata hidup dalam dunia yang semakin kecil ini, media perlu memupukkan konsep kejiranan yang positif.

"Media boleh bantu untuk mewujudkan keamanan," kata beliau pada perasmian sidang dwi-tahunan Kesatuan Akhbar Komanwel di sini.

"Media dipanggil Fourth Estate bukan tanpa sebab. Ia merupakan salah satu kuasa yang menentukan nasib manusia kerana kesampaian mereka telah menjadi global dan lebih penting lagi ia telah mengatasi jarak dan masa sepenuhnya," katanya.

Lebih 300 perwakilan daripada media cetak dan elektronik dari negara-negara Komanwel menghadiri persidangan empat hari itu.

Hadir pada majlis perasmian itu ialah Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan Anugerah "Tokoh Kewartawanan Negara" oleh Institut Akhbar Malaysia kepada Allahyarham Tun Mohammed Fuad Stephens.

--BERNAMA

RAZ oba